

Penerbangan Malaysia mampu jadi syarikat termaju di dunia — PM

(P)
KUALA LUMPUR 7 Sept. — Perdana Menteri yakin Penerbangan Malaysia mampu menjadi salah sebuah syarikat penerbangan yang termaju di dunia selaras dengan usaha kerajaan menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, para pekerja syarikat tersebut sendiri adalah orang yang boleh menentukan sama ada negara boleh mencapai matlamat tersebut atau sebaliknya dan bukan orang lain.

"Saya yakin para pekerja Penerbangan Malaysia dan kesatuannya tidak akan membelakangkan harapan negara kerana kemajuan Penerbangan Malaysia melambangkan kecekapan bangsa kita," tegas beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat agung ke-12 Kesatuan Pekerja Sistem Penerbangan Malaysia Semenanjung Malaya (MASEU) di Dewan Tengku Canselor, Universiti Malaysia di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin, pengurusan Penerbangan Malaysia tidak akan menghampakan kakitangannya kerana jika berlaku keadaan yang sedemikian, beliau mahu ia dirujuk kepada pihak ketiga timbang tara (*arbitration*).

Katanya, Penerbangan Malaysia adalah antara syarikat penerbangan yang maju dan berjaya di dunia walaupun ketika ini banyak syarikat penerbangan di Amerika dan Eropah mengalami kerugian dan muflis. Keadaan ini berlaku, tambah beliau kerana pengurus dan pekerja lebih mengutamakan kepentingan diri daripada kepentingan syarikat.

"Kita berrasib baik kerana pekerja-pekerja Penerbangan Malaysia mengutamakan pelanggan dan perkhidmatan, justeru itu, Penerbangan Malaysia berjaya.

"Dengan kejayaan itu, apakah pekerja yang menjayakan

Penerbangan Malaysia tidak berhak mendapat layanan yang baik? Sudah tentu mereka berhak tetapi apakah yang dianggap layanan yang adil dan saksama," tanya Perdana Menteri.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menggesa agar perkhidmatan yang baik diberikan kerana ia tidak akan merugikan sesiapa sebaliknya per-

khidmatan yang buruk akan merugikan semua pihak walaupun terdapat keuntungan jangka pendek.

Turut hadir majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pengangkutan, Datin Paduka Zaleha Ismail, Pengerusi Penerbangan Malaysia, Tan Sri Zain Azrai, Pengarah Urusan syarikat itu dan Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman.